# SKEMA JAWAPAN PPC PSI 2022

## BAHAGIAN A

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| 1 | Marih | 1m |
| 2 | التفلج | 1m |
| 3 | Mengharuskan | 1m |
| 4 | Wajib | 1m |
| 5 | مصاهرة (Persemendaan) | 1m |
| 6 | Mahar musamma | 1m |
| 7 | Dalil | 1m |
| 8 | Talak Bain Sughra | 1m |
| 9 | X ialah : Hukum2 berkaitan dengan akhlak mulia | 1m |
| 10 | Y ialah: الإقتضاء | 1m |
| 11 | Azimah | 1m |
| 12 | Kafalah | 1m |
| 13 | Ifrad | 1m |
| 14 | Hibah | 1m |
| 15 | Hifz al mal | 1m |
| 16 | Hifz An nasab | 1m |
| 17 | Hifz Ad din | 1m |
| 18 | √ | 1m |
| 19 | × | 1m |
| 20 | × | 1m |

**BAHAGIAN B**

<table>
<tr><th colspan="2">Nombor soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>(a)</td><td>Tuntutan hukum :<br>-Umat Islam mempunyai sikap peka terhadap apa jua mesej yang disampaikan.<br>- Pengkajian yang teliti perlu dilakukan untuk memastikan kesahihan sesuatu berita terlebih dahulu sebelum memberi tindak balas kepada berita tersebut.<br>- Dengan Langkah yang proaktif untuk memastikan kesahihan sesuatu berita terlebih dahulu sebelum memberi tindak balas kepada berita serta kekeliruan.<br>- Allah memberikan penegasan kepada manusia supaya tidak melakukan sesuatu perkara tanpa merujuk terlebih dahulu kepada mereka yang lebih mengetahui.<br>- Allah memerintahkan agar manusia memilih keimanan dan ketaatan serta meninggalkan kekufuran, perbuatan fasiq dan kemiskinan.</td><td>1 isi x 1 M<br>= 2M</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>Sebab Nuzul :<br>-Berkaitan dengan peristiwa Al-Walid bin Uqbah yang telah dilantik menjadi utusan Rasulullah untuk memungut zakat daripada Bani Mustolaq.<br>-Al-walid mempunyai sejarah permusuhan dengan Bani Mustolaq pada zaman Jahiliyyah.<br>- Ketika Al-walid tiba di perkampungan Bani Mustolaq, beliau disambut secara beramai-ramai.Beliau menyangka bahawa mereka ingin menyerangnya. Maka, Al-Walid melarikan diri, sedangkan tujuan mereka untuk menyerahkan zakat. Setibanya di Madinah, Al-Walid terus memberiyahu Rasulullah mengenai hal tersebut.<br>- Lalu Rasulullah marah dan mengirim pasukan tentera.<br>Lalu tampillah utusan(wakil) daripada Bani Mustolaq memberikan penjelasan yang sebenar. Maka turunlah ayat ini.</td><td>1 isi x 2 M<br>= 4M</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>Kepentingan Tabayyun:<br>-Dapat menjaga kepentingan agama kerana boleh memelihara kewarasan akal dan maruah.<br>-Mendidik umat Islam lebih berwaspada dengan info-info yang palsu.<br>-Kerahsiaan negara akan berada dalam keselamatan dan dilindungi daripada unsur-unsur luar.<br>- Menjamin suasana masyarakat umat Islam yang berintegriti, bertanggungjawab dan Amanah.</td><td>1 isi x 2 M<br>= 4M</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>KBAT<br><table>
<tr><td>ISI</td><td>Mengenakan Tindakan undang-undang / hukuman yang tegas.</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>bagi mereka yang didapati bersalah menyebarkan berita palsu</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Sebagai Contoh pihak suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia perlu membuat siasatan terperinci tentang satu berita palsu sekiranya mereka mendapat aduan daripada orang awam</td></tr>
<tr><td>Huraian Dalil</td><td>Siasatan serta hukuman bagi mereka yang bersalah ini boleh memberi pengajaran kepada orang lain untuk tidak mengulangi atau berterusan menyebarkan berita tidak dipastikan kesahihanya untuk disebarkan.</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan ringkas</td><td>Oleh itu, pihak kerajaan perlu tegas menangani masalah ini agar ia tidak berterusan</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan Lengkap</td><td>menjadi satu budaya buruk yang boleh menjatuhkan imej masyarakat sesebuah Negara.</td></tr>
</table></td><td>1 isi x 1 M<br>= 6M</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (e) | **Huraian bagi ciri-ciri suka mengambil harta orang lain:**<br>- Sanggup mendapatkan harta dengan cara paksaan seperti mencuri dan memakan harta anak yatim.<br>-Mengambil buku pelajar lain tanpa kebenaran.<br>-Membuat ualng cetak bahan bersifat hak cipta orang lain. | 1 isi x 2 M<br>= 4M |

| Nombor soalan | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|
| 2. | (a) | **Maksud zina:**<br>- Perhubungan seks haram antara lelaki dengan perempuan tanpa ikatan perkahwinan yang sah. | 1 isi x 2 M<br>= 2M |
| | (b) | **Istinbat Hukum:**<br>-Berdasarkan lafaz اذهبوا به فارجموه<br>-Feel Amar yang menunjukkan perintah suruhan<br>-Yang membawa hukum wajib/setiap perintah adalah wajib<br>-Oleh itu, wajib bagi penzina yang telah berkahwin dihukum rejam sampai mati. | 1 isi x 1 M<br>= 4M |
| | (c) | **Dua cara pensabitan zina ialah**<br>1) Pengakuan daripada penzina sendiri yang mana penzina perlu mengulangi sekurang-kurangnya empat kali.<br>2) Pensabitan perlu kepada empat orang saksi yang adil dan sudah akil baligh. | 1 isi x 2 M<br>= 4M |
| | (d) | **KBAT:** (see tables below) | 1 isi x 1 M<br>= 6M |

| | |
|---|---|
| **Isi** | Penubuhan Pusat jagaan adalah wajar |
| **Huraian** | untuk menyelamatkan ramai Wanita yang kurang bernasib baik. |
| **Huraian Lengkap** | seperti Wanita yang dirogol dan anak yang tidak sah taraf |
| **Huraian Dalil** | supaya mereka lebih terdidik dan terjaga keperluan seharian dan Pendidikan mereka. |
| **Kesimpulan Ringkas** | Oleh itu, Penubuhan rumah perlindungan perlu supaya nasib Wanita dan anak malang itu terbela |
| **Kesimpulan Lengkap** | agar mereka dapat memulakan kehidupan baharu yang lebih baik seperti orang lain. |

| | |
|---|---|
| **Isi** | Penubuhan pusat jagaan adalah tidak wajar |
| **Huraian** | Boleh menggalakkan remaja melakukan zina |
| **Huraian Lengkap** | Mereka merasa selamat kerana ada tempat untuk menjaga mereka jika mengandung anak luar nikah |
| **Huraian Dalil** | Ini menyebabkan masalah sosial seperti pergaulan bebas akan berleluasa |
| **Kesimpulan Ringkas** | Oleh itu, Penubuhan rumah perlindungan tidak perlu kerana boleh menggalakkan masalah zina dalam masyarakat |
| **Kesimpulan Lengkap** | kerana remaja merasa mereka ada tempat untuk berlindung. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (e) | **Dua Hujah:**<br>1) Memberi pengajaran kepada orang ramai @ penzina agar mereka tidak lagi terlibat melakukan perbuatan zina tersebut<br>2) Perlaksanaan hukuman tersebut merupakan satu unsur pencegahan untuk menghalang masyarakat mendekati penzinaan<br>3) Pelaksanaan hukuman tersebut menimbulkan kegerunan / ketakutan untuk mengulangi perbuatan yang dimurkai Allah tersebut | 1 isi x 2 M<br>= 4M |

| Nombor soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 3. | (a) | i. | **Maksud aqiqah:**<br>- Binatang yang disembelih Ketika mencukur rambut bayi yang baru dilahirkan sebagai tanda syukur kepada Allah SWT. | 1 isi x 2 M<br>= 2M |
| | | ii. | **Dua Perbezaan antara Korban dan Aqiqah** (see table below)<br>Mana – mana jawapan diatas | 1 isi x 1 M<br>= 4M |
| | | iii. | **KBAT Holistik**<br>Kepentingan pelaksanaan ibadah Aqiqah diluar negara terhadap kehidupan bermasyarakat.<br>Contoh jawapan (see table below) | 1 isi x 1 M<br>=6M |

| Korban | Aqiqah |
|---|---|
| Dilakukan sempena hari raya Aidiladha | Dilakukan sempena kelahiran anak |
| Dituntut kepada semua orang yang berkemampuan | Dituntut kepada penjaga atau bapa kanak – kanak |
| Sunat disedekahkan daging yang belum dimasak | Sunat disedekahkan daging yang telah dimasak |
| Diharuskan mematahkan tulang binatang Korban | Sunat mematahkan tulang binatang Aqiqah kecuali pada bahagian sendinya sahaja |
| Bilangan binatang Korban tidak ditentukan | Bilangan afdal ialah 2 ekor kambing untuk anak lelaki dan 1 ekor kambing untuk anak perempuan |

| | |
|---|---|
| Isi | Kepentingan pelaksanaan ibadah Aqiqah diluar negara terhadap kehidupan bermasyarakat dapat **merapatkan sillaturrahim dikalangan masyarakat** |
| Huraian | Hal ini jelas dilihat Ketika **proses penyembelihan binatang aqiqah secara beramai – ramai.** |
| Huraian lengkap | Kesannya akan **menambah semangat bersatu hati di dalam setiap individu** masyarakat tersebut |
| Hujah | Ini bertepatan dengan ayat surah Al Maidah yang membawa **maksud hendaklah kita saling tolong menolong kepada perkara kebaikan**. |
| Kesimpulan ringkas | Justeru itu, ibadah **Aqiqah haruslah dilaksanakan agar dapat mengeratkan hubungan didalam komuniti masyarakat** |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | Kesimpulan lengkap: Supaya **kehidupan kita diredhai oleh Allah SWT.**<br><br>Mana – mana jawapan yang munasabah | |
| (b) | | i. | **Maksud Talak dari segi istilah**<br><br>Melepaskan ikatan akad perkahwinan dengan menggunakan lafaz Talak dan seumpamanya. | 1 isi x 2 M = 2M |
| | | ii. | **Jenis Talak**<br><br>Ba'in Kubra / Talak tiga | 1 isi x 2 M = 2M |
| | | iii. | **KBAT Analitik**<br><br>2 Usaha membentuk keluarga Bahagia<br><br>1. Mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan memperbanyakkan amal ibadah secara berjemaah dengan ahli keluarga.<br>2. Ibu bapa jadi contoh tauladan untuk anak – anak agar menjadi ikutan yang baik.<br>3. Saling berkasih – sayang didalam keluarga dengan cara tidak membeza – bezakan di antara ahli keluarga.<br>4. Pihak yang bertanggungjawab mengadakan kempen keluarga Bahagia melalui medium eletronik agar penerapan itu jelas diketahui oleh setiap masyarakat.<br>5. Saling bertolak ansur dalam ahli keluarga supaya dapat mengelakkan salah faham dalam ahli keluarga.<br><br>**Mana – mana jawapan yang munasabah.** | 1 isi x 2 M = 4 M |

**BAHAGIAN C**

| Nombor soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 4. | (a) | i. | **Maksud Hadis:**<br>Percakapan Rasulullah selain daripada al-Quran serta perbuatan atau perakuan baginda S.A.W. | 1 isi x 2 M<br>= 2M |
| | | ii. | **Dua fungsi sunnah:**<br>- Menguatkan hukum-hakam yang terkandung dalamal-Quran dengan mengulangi kewajipan tersebut dalam hadith seperti kewajipan solat dan zakat<br>- Memperincikan hukum yang dinyatakan secara umum di dalam al-Quran seperti cara-cara menunaikan solat<br>- Menasakhkan dan membatalkan hukum yang terkandung dalam al-Quran seperti menasakhkan ayat wasiat kaum kerabat kepada harta waris. | 1 isi x 2 M<br>= 4M |
| | (b) | | **Autoriti Istihsan:**<br>- Ulama menerima: Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali menerima Istihsan sebagai hukum syarak. (2m)<br>- Ulama menolak: Mazhab Syafie menolak Istihsan sebagai dalil syarak kerana bimbang penggunaan Istihsan membuka ruang manusia menentukan hukum mengikut hawa nafsu. (2m) | 1 isi x 2 M<br>= 4M |
| | (c) | i. | **Maksud perundangan islam:**<br>- Hukum-hukum yang ditetapkan oleh Allah kepada manusia meliputi semua aspek kehidupan yang perlu diyakini, dipatuhi dan diamalkan untuk memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat. | 1 isi x 2 M<br>= 2M |
| | | ii. | **Dua prinsip perundangan Islam:**<br>- Keadilan: Tidak menzalimi golongan yang lemah tetapi mengamalkan hak sama rata kepada semua golongan (1m). Contohnya hukum hudud dikenakan kepada semua golongan.(1m)<br>- Tidak menyusahkan: Paraturan yang tidak membebankan manusia.(1m) Contohnya Harus berbuka puasa ketika sakit. (1m) | 1 isi x 2 M<br>= 4M |
| | (d) | | **Keistimewaan tamadun Islam:**<br>- Kesejagatan: dapat dilihat di mana-mana sahaja tanpa sempadan geografi.<br>- Kesatuan: Akidah menyatukan umat manusia daripada pelbagai bangsa dan budaya yang berbeza. | 1 isi x 2m<br>= 4m |

| Nombor soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 5. | (a) | i. | **Maksud Nasakh:**<br>Memansuhkan sesuatu hukum syarak dengan sebab wujud dalil syarak yang datang kemudian | 1 isi x 2 M<br>= 2M |
| | | ii. | **Perkara yang tidak boleh dinasakhkan:**<br>- Hukum berkaitan dengan akidah seperti rukun Iman dan larangan kufur<br>- Hukum berkaitan dengan asas ibadah seperti kewajipan solat dan zakat<br>- Hukum berkaitan dengan akhlak mulia seperti berbuat baik kepada ibu bapa | 1 isi x 2M<br>=2M |
| | (b) | i. | - lafaz dalam dalam ayat والسارق والسارقة<br>- bentuk lafaz am: lafaz mufrad yang dimakrifahkan dengan alif lam istigroqiah<br>- maksud ayat am: semua orang yang mencuri akan dipotong tangan | 1 Isi x 2 M<br>= 2M |
| | | ii. | - lafaz dalam dalam ayat وَلَا تُصَلِّ<br>- bentuk lafaz am: lafaz nakirah dalam bentuk la nahiah<br>- maksud ayat am: tidak dibenarkan solat jenazah ke atas semua orang munafik | 1 Isi x 2 M<br>= 2M |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | **Perkara asas dalam maqasid syariah:**<br>- Dharuriyyat: kebaikan yang menjadi asas dalam kehidupan manusia contohnya menjaga kesihatan<br>- Hajiyat: kebaikan yang biasanya diperlukan dalam kehidupan manusia bagi membolehkan mereka menjalani kehidupan mudah seperti keharusan jual beli menggunakan online. | 1 isi x 2 M = 4M |
| | (d) | | **Contoh perkara jenayah yang dibicarakan di mahkamah syariah:**<br>- Kesalahan berkaitan perkahwinan seperti nusyuz<br>- Kesalahan berkaitan seks seperti zina | 1 isi x 1M =2M |
| | (e) | | **Kesan penjajahan barat terhadap pelaksanaan perundangan islam di Malaysia:**<br>- sistem perundangan barat digunakan sepenuhnya dalam mahkamah sivil<br>- wujud dualisme dalam sistem perundangan di Malaysia | 1 isi x 2M =4M |